

Tolak pergaduhan politik

Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) sudah berlalu dan keputusannya sudah kita ketahui.

Segala sengketa ketika kempen perlu dibendung dan setiap pihak perlu utamakan perpaduan. Rapatkan saf dan kembali bersatu. Elak sengketa politik menjadi isu kaum.

Saya rasa tidak waras sekiranya hanya disebabkan politik, rakyat Malaysia bergaduh dan bermacam muka. Keada-

an sebegini perlu ditepis dan dielakkan bagi membanteharas perasaan tidak puas hati sesetengah pihak serta memastikan perkara ini tidak lagi berlaku selepas menerima keputusan pilihan raya ini.

Cermin keperibadian

Seperti yang kita ketahui, pergaduhan atau perbalahan sesama manusia adalah sesuatu yang sangat buruk. Ia mencerminkan keperibadi-

an rakyat Malaysia itu sendiri yang tidak dapat menyelesaikan masalah sesama sendiri.

Sebagai rakyat yang hidup dalam negara yang mengamalkan semangat demokrasi, kita perlu berganding bahu dan bersatu agar hasrat 1Malaysia tidak menjadi sia-sia.

Ummu Fatin Naaifah Othman
Fakulti Pengajian
Bahasa Utama, USIM